

Malaysia hajat kenduri besar

Oleh **MUHAMMAD DAYNE AZMIN**

dayne.ghazali@utusan.com.my

SINGAPURA - Laungan amaran diberikan oleh pemain tinggi lampai negara Norashikin Kamalzaman, yang berazam untuk merobek Myanmar habis-habisan dalam aksi pembukaan acara bola jaring Sukan SEA Singapura 2015, petang ini.

Perlawanan itu sepatutnya mudah bagi skuad negara, berdasarkan status yang bagaikan antara langit dengan bumi kerana Malaysia pasukan ketiga terbaik Asia sedangkan Myanmar masih belum mempunyai kedudukan dalam ranking Persekutuan Bola Jaring Dunia (INF).

Beraksi selaku penjarang utama Norashikin, yang berketinggian 1.86 meter dan berasal dari Temerloh, Pahang, berharap melalui pendedahan serta pengalaman yang dimiliki pasukan negara membolehkan mereka merakamkan kemenangan dengan jaringan yang besar bertemu Myanmar.

“Walaupun kami belum pernah berdepan dengan Myanmar, kami ada tinjau aksi mereka dan rata-rata mereka nampak agak rendah, jadi saya rasa kami boleh menggunakan keadaan itu untuk melakukan hantaran bola dengan lebih mudah.

“Jadi, kami harap mampu mencatatkan kemenangan besar ke atas mereka dalam perlawanan pertama

ini bagi memudahkan laluan kami ke peringkat seterusnya, namun saya mengingatkan rakan-rakan jangan terlalu memandang rendah kepada lawan,” katanya ketika ditemui selepas latihan skuad bola jaring di Stadium Arena OCBC, Hab Sukan Singapura, semalam.

Di atas kertas, Malaysia dijangka tidak berdepan rintangan besar untuk meraih kemenangan berdepan Myanmar mahupun Filipina pada 1 Jun sebelum mereka melalui ujian sebenar iaitu bertemu pilihan utama Singapura pada 2 Jun.

Sementara itu, rakan sepasukannya Izyan Syazana Mohd. Wazir, yang turut beraksi di bahagian serangan, tidak meletakkan sebarang sasaran jaringan peribadi tetapi fokus untuk membantu pasukan meraih kemenangan ke atas Myanmar.

Penuntut Universiti Putra Malaysia (UPM) dalam jurusan Pendidikan Jasmani itu berkata, kempen dalam Sukan SEA kali ini cukup istimewa walaupun telah mewakili negara sejak tujuh tahun yang lalu.

“Saya dan rakan-rakan sebenarnya berasa cukup teruja datang ke Sukan SEA kali ini kerana berbeza dengan kejohanan-kejohanan lain yang pernah kita sertai, jadi kami harap dapat ambil pengalaman kali ini selain harap dapat pertahan kejuaraan empat belas tahun lalu,” katanya.



SKUAD negara menjalani latihan terakhir untuk berdepan dengan Myanmar dalam perlawanan pembukaan acara bola jaring Sukan SEA di Singapura semalam.

- MINGGUAN/FAUZI BAHARUDIN